

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(A)15

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

15. Mohon senaraikan AJK Majlis Keselamatan Negara (MKN) Pulau Pinang.
- (a) Apakah fungsi MKN dalam menangani penularan wabak COVID-19 di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

15. Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara berkaitan pengurusan COVID-19 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri telah melantik Ketua Menteri Pulau Pinang sebagai pengerusi Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) yang akan bertindak sebagai jawatankuasa utama bagi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di peringkat negeri.

Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri ini terdiri daripada 32 orang ahli yang terdiri daripada agensi seperti berikut:

Pengerusi: **Ketua Menteri Pulau Pinang**

Setiausaha: **Pengarah Majlis Keselamatan Negara**

Ahli-ahli:

- i. Ketua Polis Negeri
- ii. Panglima Markas Briged Ke Enam
- iii. Pengarah Penerangan Negeri

Turut Hadir:

- i. Ketua Cawangan Khas
- ii. Setiausaha Kerajaan Negeri
- iii. Penasihat Undang-Undang Negeri
- iv. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
- v. Komander Artileri, Markas 2 Divisyen
- vi. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- vii. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai
- viii. Pengarah Kesihatan Negeri
- ix. Pengarah Imigresen Negeri
- x. Pengarah Pertahanan Awam Negeri
- xi. Pengarah Maritim Negeri
- xii. Pengarah Kebajikan Masyarakat

- xiii. Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)
Negeri
- xiv. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
- xv. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
- xvi. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
- xvii. Pegawai Daerah Timur Laut
- xviii. Pegawai Daerah Barat Daya

Jemputan Khas:

- i. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi (Ahli Parlimen
Nibong Tebal)
- ii. Timbalan Ketua Menteri I
- iii. Timbalan Ketua Menteri II
- iv. EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan
Perancangan Bandar & Desa
- v. EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam
Sekitar
- vi. EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan
Luar Bandar dan Kesihatan
- vii. EXCO Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan
- viii. Ketua Pembangkang (ADUN Sungai Dua)

ix. Setiausaha Politik Ketua Menteri

(a) MKN bertindak sebagai sekretariat kepada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang bagi memastikan segala keputusan dasar pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menangani wabak COVID-19 dapat dilaksanakan di peringkat negeri. Bidang tugas / peranan Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- i. Memastikan Perintah Kawalan Pergerakan dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya;
- ii. Menilai keberkesanan dan pendekatan terbaik dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan;
- iii. Memastikan pengarah dan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh Sidang Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Khas Menteri dilaksanakan;
- iv. Memastikan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang digerakkan di peringkat Negeri dan Daerah

melaksanakan pengarahannya dengan komited dan terselaras;

- v. Mengeluarkan apa-apa garis panduan, pengarahannya dan keputusan untuk dilaksanakan di peringkat PBT, Daerah dan Negeri; dan
- vi. Memastikan Perintah Kawalan Pergerakan dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya.

Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Pulau Pinang juga telah menggerakkan dua jawatankuasa kecil iaitu **Jawatankuasa Kerja COVID-19 Arahan MKN No.20 yang dipengerusikan oleh YB Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.**